

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.10.2014**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos yang terlibat untuk menjalankan pengutipan GST di seluruh negara dan juga GST yang dijangka akan dikutip oleh Kerajaan pada tahun pelaksanaan pertama. Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan terhadap syarikat yang tidak mengutip GST, khususnya syarikat kecil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kos yang terlibat bagi melaksanakan GST adalah RM137 juta. Dengan kadar GST sebanyak 6%, hasil kutipan dianggarkan berjumlah RM23.2 bilion. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah mengecualikan sebilangan barangan yang keseluruhannya dianggarkan RM3.8 bilion. Daripada jumlah kutipan juga, sebanyak RM4.9 bilion disalurkan kembali untuk keperluan rakyat melalui pakej-pakej bantuan, contohnya tambahan BR1M.

Harus diketahui, bahawa dengan pelaksanaan GST ini, maka Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dimansuhkan yang menyebabkan kehilangan hasil Kerajaan sebanyak 13.8 bilion ringgit. Ertinya, bila ditolak 13.8 bilion ringgit dan 3.8 bilion ringgit daripada kutipan 23.2 bilion ringgit itu, baki yang ada, berjumlah 5.6 bilion ringgit.

Bagi syarikat yang telah mencapai nilai ambang RM500,000 tetapi tidak berdaftar dan tidak mengutip GST, syarikat boleh dikenakan denda sebanyak RM30,000 atau pemiliknya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi daripada dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi syarikat kecil di bawah nilai ambang RM500,000, mereka tidak diwajibkan untuk berdaftar dan dengan itu isu mengutip GST tidak berbangkit.